

Seni pertahanan diri bentuk keperibadian

U.M. 29 JUL 1994

9

KUALA TERENGGANU 28 Julai — Seni mempertahankan diri mampu membentuk generasi muda yang lebih bertanggungjawab di samping menerapkan nilai-nilai baik dalam pembentukan dan pembangunan sesebuah negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri ~~Dr. Mahathir Mohamad~~ berkata, perkara itu boleh dijayakan kerana disiplin yang diutamakan dalam seni mempertahankan diri adalah perkara asas yang turut boleh membentuk keperibadian individu.

Menurutnya, kini golongan yang tidak berupaya dan lemah semakin tertekan dan menjadi tanggungjawab sosial sesama manusia sejagat menerap dan mendidik golongan muda mengenai kebenaran dan berpegang teguh kepada nilai-nilai moral yang baik.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Kejohanan Taekwon-do Sedunia (ITF) Ke-9 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah pagi tadi.

Lebih 7,000 penonton menyaksikan acara pembukaan kejohanan yang penuh berwarna-warni itu yang antara lain turut dihadiri Yang Dipertuan Muda Terengganu, Tengku Mizan Zainal Abidin, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Presiden Persekutuan

Taekwon-do Antarabangsa (ITF) Jeneral Choi Hong Hi.

Dr. Mahathir menyifatkan Kejohanan Taekwon-do yang diadakan itu adalah platform yang paling sesuai untuk mempertingkatkan persahabatan di kalangan peserta di samping mempromosikan keammanan sedunia.

"Walaupun kejohanan seumpama ini bukan fo-

rum yang sesuai untuk meningkatkan falsafah berkenaan, semangat yang ditunjukkan di kalangan para peserta mengingatkan saya bahawa masyarakat dunia perlu turut melakukan apa yang benar.

"Ini kerana sudah terlalu banyak kejadian di seluruh dunia di mana masyarakat dipaksa berhijrah dan dibunuh beramai-ramai," tegasnya.

Menurut Dr. Mahathir, pihak yang membantu golongan yang tidak bernasib baik, kini bukan lagi dianggap diberi penghormatan walaupun ia kadang kala 'melukakan'.

Mengenai kejohanan yang julung kali diadakan di negeri ini, Dr. Mahathir menyifatkan kejohanan itu boleh mempromosikan Terengganu bukan sahaja dalam bidang pelancongan

malahan juga menggiatkan lagi kemasukan pelabur dalam dan luar negara melabur di koridor pantai timur amnya.

Beliau percaya kejohanan itu akan meneguhkan lagi persahabatan di kalangan para peserta di samping mengeratkan hubungan Malaysia dengan negara peserta terutama dalam mendekatkan rangkaian budaya antara negara.